



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

**SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
2009**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
2009**

A. ARAHAN AM KEPADA PENGETUA

1. Pengetua hendaklah mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2009 kepada semua calon.
2. Pengetua hendaklah memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2009 sebelum peperiksaan.
3. Pengetua hendaklah menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas soalan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. Pengetua hendaklah merujuk kepada dokumen Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan Peraturan dan Panduan Peperiksaan STAM.

B. ARAHAN AM KEPADA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

1. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2009 mendapat perhatian calon.
2. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mencatatkan di papan tulis dan memaklumkan kepada calon tarikh peperiksaan, kod kertas, nama kertas, waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas soalan.
3. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengedarkan kertas soalan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2009.
4. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengedarkan kertas soalan dengan muka hadapan kertas soalan di sebelah atas.
5. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengarahkan calon menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas soalan bagi memastikan calon mendapat kertas soalan yang betul.
6. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengedarkan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas soalan.
7. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah memastikan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram sahaja dibawa masuk ke dewan/bilik peperiksaan.
8. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas soalan.
9. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada Borang LPM/AM29 akur dengan bilangan calon dalam Jadual Kedatangan bagi sesuatu kertas soalan.
10. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah merujuk kepada dokumen Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis.

C. ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN

1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon wajib menduduki semua kertas soalan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas soalan sama ada kertas soalan bertulis, ujian lisan atau pentaksiran berasaskan sekolah akan dianggap tidak hadir bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki sesuatu kertas soalan dikehendaki mengemukakan alasan yang kukuh dan dibuktikan dengan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan STAM 2009.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada Pengetua sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak sekolah (calon sekolah) atau JPN (calon persendirian).

2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah menyemak butiran dan menandatangani **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** pada hari pertama calon menduduki peperiksaan.
- 2.3 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan atau Dokumen Pengenalan Diri** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** daripada Pengetua dan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** di penjuru atas sebelah kanan meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.4 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.5 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran tetapi kod kertas soalan tersebut tidak tercatat dalam Jadual Kedatangan. Calon hendaklah mengemukakan **Kenyataan Kemasukan Peperiksaan** dari Lembaga Peperiksaan yang mengandungi **kod kertas soalan** dan **nama kertas** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan bayaran.

3. ARAHAN TENTANG KERTAS SOALAN

- 3.1 Calon hendaklah menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas soalan bagi memastikan calon mendapat kertas soalan yang betul.
- 3.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas soalan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 Calon hendaklah **membaca dan mematuhi semua arahan** pada halaman hadapan dan halaman belakang kertas soalan sebelum peperiksaan dimulakan.

4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

- 4.1 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas jawapan yang tidak menepati keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada kertas soalan.
- 4.2 Calon hendaklah menulis **Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas dan Nama Kertas** dengan jelas pada ruangan yang disediakan pada kertas soalan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan (BJ), dan Helaian Tambahan (HT).
- 4.3 Calon hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru sahaja.
- 4.4 Calon hendaklah menggunakan kedua-dua halaman pada setiap helaian BJ dan HT. Tulis jawapan bagi setiap soalan pada halaman yang baharu.
- 4.5 Calon hendaklah menulis dengan jelas pada kertas jawapan nombor soalan seperti yang tertera pada kertas soalan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.6 Calon hendaklah menulis semua jawapan dalam Bahasa Arab kecuali bagi kertas soalan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.7 Calon hendaklah memastikan **Angka giliran, Nombor Kad Pengenalan, Nama Kertas dan Kod Kertas** telah ditulis dengan betul pada muka hadapan kertas soalan dan Buku Jawapan apabila diarah berhenti menulis.
- 4.8 Calon hendaklah memastikan **Angka giliran, Nombor Kad Pengenalan, Nama Kertas dan Kod Kertas** telah ditulis dengan betul pada setiap helaian tambahan apabila diarah berhenti menulis. Pastikan setiap helaian tambahan disusun mengikut urutan nombor soalan sebelum diikat.
- 4.9 Calon hendaklah berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas.

5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas dan Nama Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon hendaklah menggunakan pensel **2B** atau **BB** sahaja.
- 5.4 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas dan Nama Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.5 Calon hendaklah menggunakan **getah pemadam jenis lembut sahaja** untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon **dilarang** menggunakan **pemadam jenis cecair, kimia, pelekat** atau **seumpamanya**.

5.6 Calon **dilarang** melipat, menggulung atau merenyuk kertas JOB dan JOTB.

5.7 Calon **dilarang** membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada kertas JOB dan JOTB.

D. AMARAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN

1. Dilarang membawa masuk sebarang buku, nota, catatan, akhbar, kamus, kertas, telefon bimbit atau alat-alat komunikasi, kotak pensel, beg dan Jadual Waktu Peperiksaan ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. Dilarang membawa masuk kalkulator yang boleh diprogram ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
3. Dilarang menulis nota pada dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
4. Dilarang membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
5. Dilarang menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
6. Dilarang memberi pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan atau menggunakan bahasa isyarat untuk tujuan meniru.
7. Dilarang mendedahkan kertas soalan atau/dan skrip jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
8. Dilarang menukar kertas soalan atau/dan skrip jawapan peperiksaan dengan calon lain.
9. Dilarang menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
10. Dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
11. Dilarang membawa keluar **skrip jawapan peperiksaan** dari dewan/bilik peperiksaan.
12. Dilarang membawa kertas jawapan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.
13. Dilarang keluar dari dewan/bilik peperiksaan **30 minit pertama** peperiksaan dimulakan dan **10 minit terakhir sebelum peperiksaan** ditamatkan.
14. Dilarang melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan.
15. Dilarang mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
16. Dilarang memakai pakaian yang tidak sopan dan menjolok mata.
17. Dilarang merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.
18. Sebarang perbuatan yang melanggar peraturan peperiksaan dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh

Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku di atas boleh dikenakan tindakan berikut:

- 18.1 Keseluruhan keputusan peperiksaan digantung;
- 18.2 Keputusan mata pelajaran berkenaan dibatalkan;
- 18.3 Keseluruhan keputusan peperiksaan dibatalkan;
- 18.4 Keseluruhan peperiksaan pusat berkenaan dibatalkan.

E. ARAHAN KHAS

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
S102/11 Fiqh <i>Kertas 1</i>	Calon dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram bagi kertas soalan yang berkenaan sahaja.
S102/21 Fiqh <i>Kertas 2</i>	

**JADUAL MASA TAMBAHAN
CALON BERKEPERLUAN KHAS**

Masa tambahan yang diperuntukan ini adalah untuk semua jenis kertas peperiksaan. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan khas, iaitu Kategori A dan Kategori B.

Kategori A: Calon Buta, Rabun, *Spastik/Cerebral Palsy*, Autisme/Sindrom Down/*Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*/*Attention Deficit Disorder (ADD)*, Disleksia dan Cacat Anggota.

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri (u.p: Unit/Sektor Penilaian dan Peperiksaan).

BIL	MASA YANG DIPERUNTUKKAN DALAM JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN STAM	MASA TAMBAHAN YANG DIBERI
1.	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2.	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam

Kategori B: Calon Pekak

BIL	MASA YANG DIPERUNTUKKAN DALAM JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN STAM	MASA TAMBAHAN YANG DIBERI
1.	1 jam 15 minit	20 minit
2.	2 jam 30 minit	40 minit

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS STAM 2009

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
ISNIN 19 Oktober 2009	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	S101/21	Hifz Al-Quran dan Tajwid Kertas 2	2 jam 30 minit
	11:20 pagi — 11:30 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan S102/11	10 minit
	11:30 pagi — 12:45 tengah hari	S102/11	Fiqh Kertas 1	1 jam 15 minit
	1:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	2:00 petang — 4:30 petang	S102/21	Fiqh Kertas 2	2 jam 30 minit
SELASA 20 Oktober 2009	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	S103/21	Tauhid dan Mantiq Kertas 2	2 jam 30 minit
	11:20 pagi — 11:30 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan S103/11	10 minit
	11:30 pagi — 12:45 tengah hari	S103/11	Tauhid dan Mantiq Kertas 1	1 jam 15 minit
RABU 21 Oktober 2009	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	S107/21	Insyah' dan Mutalaah Kertas 2	2 jam 30 minit
	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	S104/21	Tafsir dan Ulumuhu Kertas 2	2 jam 30 minit
RABU 21 Oktober 2009	11:20 pagi — 11:30 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Soalan S104/21	10 minit
	11:30 pagi — 12:45 tengah hari	S104/11	Tafsir dan Ulumuhu Kertas 1	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	S108/21	Adab dan Nusus Kertas 2	2 jam 30 minit

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
ISNIN 26 Oktober 2009	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	S106/21	Nahu dan Sarf Kertas 2	2 jam 30 minit
	11:20 pagi — 11:30 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada kertas Jawapan Objektif Bermaklumat S106/11	10 minit
	11:30 pagi — 12:45 tengah hari	S106/11	Nahu dan Sarf (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	S110/21	Balaghah Kertas 2	2 jam 30 minit
SELASA 27 Oktober 2009	07:50 pagi — 08:00 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	08:00 pagi — 10:30 pagi	S109/21	'Arudh dan Qafiyah Kertas 2	2 jam 30 minit
	11:20 pagi — 11:30 pagi	Ketua Pengawas mengarahkan calon menyemak butiran pada kertas Jawapan Objektif Bermaklumat S109/11	10 minit
	11:30 pagi — 12:45 tengah hari	S109/11	'Arudh dan Qafiyah (Aneka Pilihan) Kertas 1	1 jam 15 minit
	01:50 petang — 02:00 petang	Ketua Pengawas mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan	10 minit
	02:00 petang — 04:30 petang	S105/21	Hadith dan Mustolah Kertas 2	2 jam 30 minit